



5 daerah di Selangor dilanda banjir



Rafidah Mat Ruzki - Julai 19, 2020 @ 11:45am
fidahruzki@bh.com.my

5 daerah di Selangor dilanda banjir



TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 4m [Banjir musnahkan 200,000 benih balak](#)
- 8m [Kerja-kerja turunkan jejantas pejalan kaki selesai](#)
- 18m [Majlis Presiden PH desak Abu Zahar, Borhan direhatkan](#)
- 24m [Pemulihan ekonomi lonjak perbelanjaan pengguna](#)
- 24m [Varian Omicron lebih dekat dengan endemik - EMA](#)
- 37m [United perlu dapatkan Conte](#)
- 41m [Budak Rohingya dieksplorasi mengemis di jalanan](#)
- 42m [Imej SPRM tercalar teruk akibat pendedahan tak ikut saluran](#)

PUTRAJAYA: Banjir di 41 kawasan di lima daerah di Selangor menyebabkan 265 penduduk daripada 62 keluarga terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) apabila kediaman dinaiki air sejak lewat petang semalam.

ADVERTISEMENT



Ketua Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN), Ahmad Fairuz Mohd Yusof, berkata Hulu Langat mencatatkan jumlah kawasan tertinggi dilanda banjir membabitkan 22 kampung dan taman perumahan serta sekolah, diikuti Sepang dengan 12 lokasi, Hulu Selangor (empat), Gombak (dua) dan Klang (satu).

Beliau berkata, tujuh PPS juga dibuka bagi menampung mangsa yang dipindahkan.

Sebanyak 22 lokasi di Hulu Langat dilanda banjir iaitu Kampung Sungai Pening, Semenyih; Kampung Bukit Dukong; Kampung Sungai Sekamat; Kampung Batu 13; Kampung Sungai Balak; Kampung Sri Jambu; Kampung Sungai Jernih; Batu 10, Cheras; Sungai Raya, Batu 9; Kampung Bangi; Taman Muhibbah; Kampung Sungai Kantan; Kampung Batu 14;

Kampung Sungai Ramal; Jalan Reko; Kawasan Medan Satay Kajang; Taman Taming Jaya; Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS), Kajang; Sri Bangi, Seksyen 8; Teras Jernang; Kampung Sungai Serai dan Sekolah Rendah Agama (SRA) Sungai Serai.

DISYORKAN UNTUK ANDA

"Lokasi di Sepang pula membabitkan Taman Desa, Jenderam Hilir; Jalan Salam, Sungai Merab; Rancangan Revolusi Hijau, Dengkil; Taman Baiduri, Dengkil; Kampung Orang Asli Jenderam Hulu; Taman Lestari Mewah; Kampung Lalang; Kampung Cemperai; Kampung Sri Tanjong; Taman Mas; Taman Kristal dan Taman Permata.



Penduduk membersihkan rumah mereka yang kotor akibat banjir kilat di Taman Muhibbah, Sungai Chua Kajang. - NSTP/Hairul Anuar Rahim



Penduduk, Mohd Fikry Hazman, 27, bersama rakan menjemur tilam selepas banjir kilat di Taman Pasir Emas, Sungai Chua Kajang. - NSTP/Hairul Anuar Rahim

VAKSIN



NASIONAL 3 jam yang lepas

88 peratus remaja lengkap vaksinasi



LAIN-LAIN (DUNIA) Jan 11, 2022 @ 9:59pm

Lebih banyak kajian nilai keberkesanan vaksin terhadap Omicron



EROPAH Jan 11, 2022 @ 7:32pm

Lebih separuh penduduk Eropah akan dijangkiti Omicron



ASEAN Jan 11, 2022 @ 7:06pm

Rakyat stres, derita COVID-19



NASIONAL Jan 11, 2022 @ 10:15am

Elak kes meningkat, segerakan dos penggalak - KM



NASIONAL Jan 10, 2022 @ 7:28pm

Kematian turun minggu pertama 2022

TRENDING



NASIONAL 18 minit yang lepas

Majlis Presiden PH desak Abu Zahar, Borhan direhatkan



SELEBRITI Jan 11, 2022 @ 8:06pm

Ellie akur perintah suami ambil vaksin



KES Jan 11, 2022 @ 3:47pm

Wanita penerbit rancangan TV ditahan SPRM



NASIONAL Jan 11, 2022 @ 2:48pm

Misteri lupus ayat al-Quran



MYRESIPI

RESIPI sejam yang lepas



Resipi Sotong Masak Thai Sos Yang 'Marvelous', Pertama Kali Buat Pun Terus Menjadi



RESIPI Jan 11, 2022 @ 2:45pm

Cara Buat Ayam Roasted Ala Dominos, Sedap Menjilat Jari!



RESIPI Jan 11, 2022 @ 12:02pm

Resipi Jus Tomato Yang Sihat, Amal Minum Selalu Elok Untuk Jantung



TIPS & PETUA Jan 10, 2022 @ 12:47pm

Awas, Boleh 'Meletup'! Ramai Tak Tahu Bahaya Letak Tong Gas Dalam Kabinet Bertutup



RESIPI Jan 10, 2022 @ 12:24pm

Resipi Sambal Ayam Penyet 'Berhantu', Sekali Cuba Pasti Teringat-Ingit!



Penduduk, Mohd Fikry Hazman, 27, bersama rakan membersihkan rumah selepas banjir kilat di Taman Pasir Emas, Sungai Chua Kajang. - NSTP/Hairul Anuar Rahim

"Empat lokasi di Hulu Selangor juga dinaiki air iaitu di Kampung Sentosa, Batang Kali; Taman Seri Cahaya, Batang Kali; Taman Seri, Batang Kali dan Lorong 4B, Taman Lembah Damai, Kerling," katanya ketika dihubungi.

Ahmad Fairuz berkata dua lokasi di Gombak adalah di Lorong E5, Kampung Melayu, Sri Kundang dan Fasa 4, Taman Rahmat Jaya, manakala Taman Sri Muda di daerah Klang juga dinaiki air.

Beliau berkata, tiga PPS diaktifkan di Hulu Langat iaitu Kompleks Penghulu Batu 10 Cheras yang menempatkan sembilan keluarga (35 mangsa); Dewan Kampung Baru Sungai Chua yang menempatkan 13 mangsa daripada empat keluarga; dan Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Serai yang menempatkan 80 mangsa daripada 18 keluarga.

Katanya, empat lagi PPS dibuka di Sepang iaitu di Dewan MPKK, Kampung Jenderam Hilir, Dengkil yang menempatkan 33 mangsa daripada lapan keluarga; Dewan Majlis Perbandaran Sepang di Dengkil yang menempatkan 81 mangsa daripada 18 keluarga dan seramai 23 mangsa daripada lima keluarga kini berlindung di Dewan KOA Dengkil, manakala PPS di Dewan Gemilang, Dengkil juga diaktifkan namun belum ada penduduk dipindahkan di situ.

Beliau berkata, 'Smart Selangor Command Centre' (SSCC) akan terus memantau dan membuat tindakan susulan banjir serta akan menyampaikan maklumat terkini dari semasa ke semasa.



OHBULAN



TAMBAH ANAK 19 minit yang lepas

Tak Stres Ditanya Soal Tambah Anak, Farid Kamil Serah Pada Diana Danielle —...



KINI TRENDING 28 minit yang lepas

[VIDEO] Kantoii Pecah Tabung Masjid, Jemaah Mandikan Pencuri Seperti Jenazah?



PERANG MEDIA SOSIAL 4 jam yang lepas

Vida & Iqbal 'Berperang' Sebab Gegar Vaganza, Bongkar Rahsia Tanggung Dari...



KISAH VIRAL 4 jam yang lepas

Badut Curi RM4.40 & Telefon Nokia Berdepan Hukuman Penjara 9 Tahun



KINI TRENDING Jan 11, 2022 @ 7:35pm

Sempat Sarung Cincin Kahwin, Wanita Pasrah Bakal Suami 'Pergi' 39 Hari Sebelum...

SIRAPLIMAU



DOS PENGGALAK 44 minit yang lepas

Ibu Mengandung Perlu Ambil Dos Penggalak Atau Tidak? Ini Penerangan Pakar



TEST KIT sejam yang lepas

Murid Sekolah Dibenarkan Buat Ujian Kendiri Covid-19 Di Rumah Mulai Minggu Ini



SIHAT Jan 11, 2022 @ 4:52pm



Lai Yeong Kim, 49, termenung melihat rumahnya di Taman Hijau, Jalan Reko rosak teruk akibat hujan lebat petang semalam yang menyebabkan banjir di kawasan taman perumahan berkenaan. - NSTP/Mustaffa Kamal

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Hafisham Mohd Noor, berkata anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Cyberjaya, KLIA, Selayang, Bandar Tun Hussein Onn, Kajang, Bangi, Rawang, Kuala Kubu Baru serta Sepang terbabit dalam usaha memindahkan penduduk terjejas.

Beliau berkata, paras air antara 0.6 meter hingga 1.5 meter di sesetengah kawasan di Sepang dan pihaknya menerima panggilan kecemasan susulan banjir sehingga jam lima pagi tadi.

Banjir di Sepang mulai surut pada jam 8 pagi tadi dan pemantauan akan dilakukan secara berterusan sehingga banjir surut sepenuhnya.



Penduduk membersihkan rumah mereka yang kotor selepas banjir kilat di Taman Muhibbah, Sungai Chua Kajang. - NSTP/Hairul Anuar Rahim

[Kulit Selalu Kering Sebab Penghawa Dingin? Ini Apa Anda Patut Buat!](#)

FAMILI Jan 11, 2022 @ 4:11pm

[Seramai 7281 Tercalon, Lelaki Ini Kongsi Tips Untuk 'Lepas' Temuduga](#)

SPA



SUAMI ISTERI Jan 11, 2022 @ 3:44pm

[Suami Hadiahkan Cincin Berlian Selepas Isteri Berjaya Turun Berat Sebanyak 75kg!](#)

BERITA BERKAITAN

Disyorkan untuk anda

Recommended by



Myanmar's Suu Kyi sentenced to 4 years in prison...

Nikkei Asia



The Ruins of Liam Hemsworth's Former Malibu...

Mansion Global



**New User Bonus:
Get up to \$300**

Huobi Global

[Join Now](#)



Singapore is 'most fatigued' country in the...

CNA Lifestyle- Wellness

[Read more](#)

